Jika kita lihat kadar inflasi roti canai telah merosot daripada 3.33 peratus kepada 1.94 peratus pada tahun hadapan. Adakah harga barang turun? Sudah tentu tidak. Dalam kes ini, kita dapat saksi bahawa harga barang masih naik.

“

Andaikan harga roti canai meningkat kepada RM1.58 sekeping pada tahun hadapan iaitu peningkatan sebanyak 3 sen berbanding tahun ini, maka kadar inflasinya adalah 1.93 peratus.”

Ini bererti para peniaga boleh dikatakan masih mendapat keuntungan disebabkan harga naik. Apabila untung sudah pasti mereka ini ada motivasi untuk mengambil pekerja, membesarkan perniagaan dan menaik taraf operasi mereka.

Justeru, kenaikan harga ini seolah-olah ada kebaikannya. Namun, apa yang mahu dielakkan adalah kegiatan pengambilan keuntungan yang berlebihan, berlakunya perbuatan sorok, manipulasi harga dan kewujudan kartel. Oleh itu, kita perlu faham konteks inflasi dan kos sara hidup dengan jelas supaya kita mempunyai suatu sudut pandang yang lebih seimbang.

Kembali kepada isu BNM dalam menguruskan ekonomi negara melalui dasar monetari yang mana mengekalkan kadar inflasi negara yang stabil adalah antara tugas utama mereka. Jika kita lihat, kadar inflasi negara telah turun daripada 3.3 peratus pada tahun 2022 kepada 2.5 peratus pada tahun 2023 dan 1.8 peratus pada tahun 2024.

Adakah harga barang turun? Sekali lagi jawapannya tidak. Jika kita lihat IHP

yang boleh dianggap sebagai tingkat harga barang umum telah meningkat daripada 127.2 mata pada tahun 2022 kepada 130.4 mata pada tahun 2023 dan 132.8 mata pada tahun 2024.

Jadi tingkat harga barang umum terus meningkat. Namun, pihak BNM telah beberapa kali menaikkan OPR daripada 1.75 peratus pada tahun 2022 kepada 3.00 peratus pada tahun 2023 dan pada tahun 2024 sehingga kini kadar tersebut telah dikekalkan pada paras 3.00 peratus.

Oleh itu, pihak BNM telah berjaya mengawal inflasi supaya ia sentiasa berada dalam keadaan yang stabil. Stabil ini bererti harga barang masih lagi naik tetapi kenaikan harga barang tersebut tidak begitu melampau secara umumnya. Bayangkan sekiranya OPR ini tidak dinaikkan sudah pasti kadar inflasi akan terus meningkat dan tingkat harga juga akan terus memecut.

Oleh itu, rakyat Malaysia disarankan untuk terus menambah ilmu melalui forum-forum yang sahih dalam mempelajari bagaimana ekonomi itu diurus agar kita boleh membuat suatu kesimpulan yang seimbang apabila berlaku sebarang perubahan dalam dasar ekonomi.

Pihak kerajaan disarankan untuk merangka strategi komunikasi yang cekap dan efektif agar mesej penting dan benar dapat disampaikan kepada rakyat dengan konsisten teruter.

Sekiranya perkara ini dapat dilakukan sudah pasti keresahan rakyat dapat diredakan dengan kadar segera dan dasar pula dapat dilaksanakan dengan lancar.

* Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid ialah Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad

SINAR HARIAN

Tarikh:2.7..JAN.2025....

Pasar lebih 50 tahun tarik pelancong

- PBT senaraikan nama pasar untuk dinaik taraf
- Diangkat sebagai tempat tumpuan pelancong asing

Oleh FADZIL ZAINOL

IPOH – Pasar-pasar awam di seluruh negara yang berusia lebih 50 tahun serta mempunyai keunikan tersendiri bakal dijadikan tempat tarikan pelancongan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Ng Kor Ming mahu setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) menyenaraikan pasar-pasar tersebut yang kemudian akan dipilih untuk dinaik taraf supaya menarik perhatian pelancong.

Beliau memberi contoh Pasar Awam Bukit Mertajam di Pulau Pinang, Pasar Pinji serta Pasar Besar Ipoh di Perak sebagai antara prasarana pasar awam yang mempunyai nilai bersejarah.

"Setelah dinaik taraf, kita akan cadangkan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) supaya ia menjadi tapak yang harus dilawati oleh



KOR MING (tengah) hadir menyaksikan majlis pecah tanah projek Pasar Pasir Pinji dan lawatan ke Pasar Canning di Ipoh semalam.

pelancong asing," katanya kepada pemberita selepas majlis pecah tanah projek Pasar Pasir Pinji dan lawatan ke Pasar Canning di sini semalam.

Kor Ming berkata, semua PBT tahu setiap pasar berusia lebih 50 tahun dalam kawasan masing-masing untuk diangkat sebagai

pusat tumpuan pelancong.

"Pasar-pasar tersebut akan diberi keutamaan. Kos bagi setiap pasar berlainan bergantung kepada saiz tanah dan jumlah gerai. Tindakan ini membawa impak tinggi. Bukan sahaja kepada peniaga dan penjaja kecil, malah pengguna. Ia juga menjadi pusat

komuniti setempat," katanya.

Kor Ming berkata, pasar-pasar awam terpilih ini boleh dijadikan aset pelancongan negara sempena Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2026.

Beliau turut mengumumkan KPKT telah meluluskan RM16 juta bagi pembinaan semula

Pasar Pasir Pinji dalam hasrat memberi wajah baharu reka bentuk dan kualiti kemudahan pasar yang berusia lebih 50 tahun itu.

Dalam pada itu Kor Ming menyatakan, status quo atau dasar sedia akan dikekalkan berhubung isu penjualan arak di bawah setiap PBT.

Kata beliau, ketetapan sedia itu adalah bagi menjaga keharmonian berbilang kaum, dan menambah mereka yang diharamkan mengambil arak jangan membeli minuman tersebut.

Katanya, perniagaan yang turut menjual minuman keras adalah berlesen, bukannya tidak sah di undang-undang selain para penjual juga membayar cukai.

"Negara kita adalah masyarakat berbilang kaum. Yang tak dibenarkan itu jangan beli lah, itu sahaja. Kita tak boleh larang orang yang boleh minum, itu hak dia.

"Saya mahu politik yang membina, bukan politik yang membina. Bila kita terjerumus dalam pelbagai isu polemik, ia tidak membantu siapa pun, ia merugikan semua pihak. Tapi bagi saya kita akan *maintain* (kekalkan) status quo waktu ini," kata beliau.

KOSMO

Tarikh: 27 JAN 2025

DBKL pantau pemberian lesen bazar Ramadan

Putrajaya: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meneliti pemberian lesen bazar Ramadan di ibu negara tahun ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa.

Beliau berkata, proses ini dilaksanakan DBKL bagi memastikan peniaga layak dan ingin berniaga mendapat lesen beroperasi di bazar berkenaan.

"Yang keduanya (kita teliti) penyelenggaraan bazar Ramadan...saya yakin ini (aspek pemberian lesen dan penyelenggaraan bazar) akan berjaya," katanya kepada selepas program car free day (CFD) di sini, semalam.

Ditanya adakah terdapat isu tertentu dibangkitkan persatuan peniaga berhu-

bung tapak bazar Ramadan, beliau berkata, pihaknya tidak mendapat sebarang aduan daripada pihak berkenaan.

"Setakat ini tak ada (isu), saya nampak mereka ada juga bertemu dengan contohnya Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif untuk membincangkan tentang beberapa perkara," katanya.

Sebelum ini, Dr Zaliha berkata DBKL akan menguruskan sepenuhnya hal berkaitan permohonan lesen perniagaan dan penyelenggaraan bazar Ramadan di ibu negara bermula tahun ini bagi memastikan peniaga mendapat harga sewaan tapak berpatutan selain pengu-
rusan lebih baik.

HARIAN METRO
27 JAN 2025
Tarikh:

Kuala Lumpur

Pasaran analisis data besar (BDA) sedang mengalami pertumbuhan teguh di peringkat global dan di Malaysia selepas didorong oleh peningkatan permintaan untuk penyelesaian yang dipacu data, kata Profesor Madya Sains Komputer dan Ketua Pusat Pengajian Matematik serta Sains Komputer di Universiti Heriot-Watt Malaysia, Dr Ian Tan.


Menurut Tan, kajian yang ditauliahkan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah diilhamkan oleh International Data Corporation (IDC), mengunjurkan bahawa pasaran BDA Malaysia akan berkembang daripada AS\$1.1 bilion (RM4.82 bilion) pada 2021 kepada AS\$1.9 bilion (RM8.3 bilion) menjelang 2025.

Pada skala global, platform risikan perniagaan dan data global, Statista meramalkan pasaran BDA akan mencecah AS\$103 bilion (RM451.1 bilion) menjelang 2027, menonjolkan kepentingan BDA yang semakin melonjak dalam memacu inovasi perniagaan dan membentuk strategi persaingan merentas industri.

Tan menekankan implikasi penting analisis data bagi pertumbuhan ekonomi termasuk penciptaan pekerjaan, menyifatkannya sebagai pemacu utama inovasi dalam sektor penjagaan kesihatan, kewangan dan teknologi.

"Analisis data bukan sahaja bertindak sebagai pemangkin pertumbuhan tetapi turut menjadi pemacu utama inovasi merentas sektor seperti penjagaan kesihatan, kewangan dan teknologi," katanya.

"Ia telah menjadi asas dalam ekonomi moden, membantu perniagaan dan



PASARAN BDA Malaysia akan berkembang daripada RM4.82 bilion pada 2021 kepada RM8.3 bilion menjelang 2025.

PASARAN BDA MALAYSIA ALAMI PERTUMBUHAN TEGUH

UNJUR KEMBANG RM8.3B PADA 2025

HM
27/1

kerajaan telah memanfaatkan pelbagai data untuk memaklumkan keputusan strategik," katanya.

Pandemik Covid-19 telah mempercepatkan pendigitalan dan penggunaan analisis data dalam perniagaan.

Strategi yang didorong oleh data telah membantu syarikat meningkatkan kecekapan,

mengoptimalkan operasi dan melibatkan pelanggan dengan lebih berkesan.

"Sebagai contoh, gergasi e-dagang seperti Shopee dan Lazada menggunakan data besar bagi memperibadikan pengalaman membeli-belah, yang telah menyebabkan peningkatan kepuasan pelanggan termasuk jualan yang lebih tinggi. Pada

skala global, kesan analisis data mengenai pertumbuhan ekonomi juga penting," katanya.

Secara global, Forum Ekonomi Dunia (WEF) menganggarkan aplikasi yang didorong oleh data mampu menyumbang sebanyak AS\$13 trilion (RM56.9 trilion) kepada ekonomi global menjelang 2030.

Negara-negara yang melabur dalam infrastruktur data dan kemahiran digital bersedia untuk meraih pe-

luang serta kedudukan yang besar sebagai peneraju dalam ekonomi digital.

Dalam konteks ini, inisiatif digitalisasi Malaysia, seperti MyDigital, adalah penting bagi melonjakkan ekonomi digital negara selain meningkatkan daya saing serantau.

Tan juga menekankan peranan analisis data dalam mentransformasikan sektor seperti penjagaan kesihatan dan kewangan.

Statista ramal
pasaran BDA akan
cecah RM451.1 bilion
menjelang 2027

HARIAN METRO
Tarikh: ...2.7. JAN. 2025...



Dr Zaliha bersama sebahagian peserta program 'Car Free Day' di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

DBKL teliti pemberian lesen bazar Ramadan

Putrajaya: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini giat meneliti aspek pemberian lesen bazar Ramadan di ibu negara tahun ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Beliau berkata, proses berkaitan kini dilaksanakan DBKL bagi memastikan peniaga yang layak dan ingin berniaga mendapat lesen untuk beroperasi di bazar berkenaan.

"Yang keduanya (kita teliti) penyelenggaraan bazar Ramadan. Saya yakin ini (aspek pemberian lesen dan penyelenggaraan bazar) akan berjaya," katanya kepada pemberita selepas program *Car Free Day (CFD)* di sini semalam.

Ditanya adakah terdapat isu tertentu dibangkitkan persatuan peniaga berhubung tapak bazar Ramadan, beliau berkata pihaknya tidak mendapat sebarang aduan daripada pihak berkenaan.

"Setakat ini, tak ada (isu), saya nampak mereka juga bertemu dengan contohnya Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif untuk membincangkan tentang beberapa perkara," katanya.

Sebelum ini, Dr Zaliha berkata, DBKL akan menguruskan sepenuhnya hal berkaitan permohonan lesen perniagaan dan penyelenggaraan bazar Ramadan di ibu negara bermula tahun ini bagi memastikan peniaga men-

dapat harga sewaan tapak berpatutan selain pengurusan lebih baik.

Mengenai CFD, beliau berkata, pihaknya berhasrat memanjangkan tempoh program berkenaan kepada sehari berbanding hanya beberapa jam ketika ini.

"Kita juga akan cuba melihat, bukan hanya setakat sejam (program CFD) tetapi satu hari. Yang ini kita sedang kaji dan kalau ia mendapat sambutan maka kita akan diperluaskan," katanya.

CFD, acara bulanan di Putrajaya yang diadakan setiap Ahad minggu kedua dan hari ini ia diadakan serentak dengan Kempen Kibar Bendera Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2025.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh..... 27 JAN 2025

ADUN cadang kubur bertingkat di Ampang

Projek perintis mampu atasi kawasan pusara hampir penuh

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua tanah perkuburan Islam di lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)

di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di Ampang penuh kecuali di Ukay Perdana.

Ahli DUN Lembah Jaya, Syed Ahmad Syed Abdul Rahman, mencadangkan supaya dilaksanakan projek perintis kubur bertingkat bagi mengatasi masalah itu.

Beliau berkata, ia adalah cadangan yang sedang cuba dise-laraskan dengan kerajaan negeri dan MPAJ.

"Saya dimaklumkan ada penduduk yang mahu dikebumikan sedekat mungkin dengan rumah

masing-masing.

"Sebagai contoh, penduduk yang tinggal di Taman Kosas dari awal, namun tanah perkuburan di Taman Kosas sudah penuh.

"Jadi saya cadangkan projek perintis (kubur bertingkat) dilaksanakan di Ampang Jaya, mungkin di Tanah Perkuburan Taman Kosas," katanya kepada BH.

Cadangan diteliti

Syed Ahmad atau lebih dikenali sebagai Altimet berkata, ketika ini cadangan itu sedang diteliti kerajaan negeri dan MPAJ dan



Syed Ahmad (kanan) mengadakan perbincangan dengan pegawai Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat. (Foto FB Syed Ahmad Altimet)

beliau berharap yang terbaik untuk penduduk.

Menerusi hantaran di Facebook miliknya, dua hari lalu, beliau mengunjungi Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat untuk perjumpaan berkala dengan hal

berkaitan di Lembah Jaya.

Perkara yang turut dibincangkan pada pertemuan itu termasuk berkenaan takwim kerjasama, isu penambahbaikan surat dan masjid serta isu projek perintis kubur bertingkat.

BERITA HARIAN

Tarikh..... 27 JAN 2025

Pusingan kerja bentuk penjawat awam lebih fleksibel, berdaya saing



Oleh Prof Madya Dr Md Fauzi Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar baru-baru ini mencadangkan petugas kaunter perkhidmatan kerajaan berkhidmat lebih lima tahun diberikan peluang bertukar peranan melalui pusingan kerja.

Ini bertujuan memberi pengalaman baharu kepada penjawat awam dan meningkatkan motivasi serta daya saing perkhidmatan awam secara keseluruhan.

Pada 2024, jumlah penjawat awam di Malaysia dianggarkan 1.6 juta orang khususnya dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan.

Pusingan kerja membolehkan pertukaran jawatan dalam tempoh tertentu, memberi peluang kepada penjawat awam memperoleh kemahiran baharu dan memperbaiki kualiti perkhidmatan.

Pendekatan ini sangat relevan dalam menghadapi cabaran baharu seperti teknologi digital dan dasar baharu negara, memerlukan sektor awam untuk lebih berkesan.

Salah satu kelebihan pusingan kerja adalah mengurangkan kelesuan kerja dialami penjawat awam sudah lama bertugas dalam satu jawatan.

Perubahan peranan memberi peluang kepada mereka untuk menyegarkan semangat kerja dan meningkatkan prestasi. Sebagai contoh, pegawai bertugas di kaunter perkhidmatan pelanggan boleh dipindahkan ke bahagian pengurusan sumber manusia untuk memperoleh pengalaman baru.

Pendekatan ini juga meningkatkan daya saing

penjawat awam kerana mereka memperoleh pendedahan kepada pelbagai aspek pengurusan dan operasi dalam organisasi.

Pusingan kerja juga memperkukuh budaya kerja yang inklusif dan bekerjasama. Penjawat awam bertukar peranan dapat berinteraksi dengan rakan sekerja dari jabatan lain, membantu menyelesaikan masalah dan pelaksanaan dasar kerajaan.

Misalnya, pegawai bahagian kewangan dipindahkan ke perancangan strategik boleh memberikan pandangan kewangan lebih mendalam bagi merangka dasar baharu.

Peluang kuasai pelbagai kemahiran

Keupayaan untuk menguasai pelbagai kemahiran menjadikan penjawat awam lebih fleksibel dan berdaya saing, bukan sahaja dalam sektor awam tetapi juga di sektor swasta.

Namun, pelaksanaan pusingan kerja menghadapi beberapa cabaran. Salah satunya adalah keperluan untuk menyediakan latihan semula bagi penjawat awam dipindahkan ke peranan baharu. Latihan ini penting untuk memastikan mereka dapat menjalankan tugas dengan cekap.

Selain itu, penjawat awam sudah lama bertugas dalam satu jawatan mungkin menghadapi kesukaran menyesuaikan diri, boleh menjejaskan prestasi mereka. Oleh itu, sokongan psikologi dan kaunseling daripada pihak pengurusan sangat penting untuk membantu mereka melalui peralihan ini.

Dari segi logistik, pusingan kerja memerlukan perancangan teliti untuk memastikan kelancaran pelaksanaannya. Jadual pertukaran perlu disusun dengan baik bagi mengelakkan gangguan terhadap operasi harian.

Selain itu, isu seperti kos perpindahan, elaun tambahan dan pengurusan penempatan semula kakitangan perlu diberi perhatian. Tanpa perancangan rapi, pusingan kerja berisiko menjadi beban kepada organisasi.

Bagi memastikan keberkesanan pusingan kerja, komunikasi jelas antara pengurusan dan penjawat awam adalah kritikal. Penjawat awam perlu memahami tujuan dan manfaat pusingan kerja. Sesi taklimat, bengkel dan dialog terbuka boleh diadakan untuk meningkatkan penerimaan terhadap inisiatif ini.

Selain itu, kerajaan perlu mengenal pasti kumpulan sasaran sesuai untuk pusingan kerja berdasarkan prestasi dan potensi serta menyediakan latihan komprehensif bagi membekalkan penjawat awam dengan kemahiran diperlukan.

Sokongan kukuh melalui mentor, kaunseling dan panduan kerja jelas akan membantu penjawat awam menyesuaikan diri dengan peranan baharu mereka. Pemantauan dan penilaian secara berkala penting untuk memastikan pusingan kerja mencapai matlamatnya.

Berdasarkan maklum balas dan analisis prestasi, pelaksanaan pusingan kerja dapat diperbaiki pada masa akan datang.

Kesimpulannya, pusingan kerja adalah langkah strategik meningkatkan daya saing dan membangunkan kemahiran penjawat awam. Walaupun terdapat cabaran, perancangan teliti, latihan mencukupi dan komunikasi berkesan dapat mengatasi halangan ini.

Pusingan kerja berpotensi menjadi pemangkin kepada transformasi sektor awam lebih dinamik dan cekap, akhirnya meningkatkan mutu perkhidmatan awam dan memenuhi keperluan rakyat.

Karnival Perkampungan Kebudayaan

Selangor sasar 30,000 pengunjung

Shah Alam: Kerajaan Selangor menasarkkan kira-kira 30,000 pengunjung hadir memeriahkan Karnival Perkampungan Kebudayaan Selangor 2025 yang berlangsung lima hari bermula 22 Januari lalu.

ECXO Perumahan dan Kebudayaan Selangor, Datuk Borhan Aman Shah, berkata lebih 20,000 pengunjung setakat 24 Januari lalu ke karnival yang julung kali diadakan dalam usaha kerajaan negeri menyemarakkan lagi kempen Tahun Melawat Selangor 2025.

"Saya yakin jumlah pengunjung mencapai sasaran kerana belum lagi dikira jumlah yang hadir pada hari ini (kelmarin) dan esok (semalam)," katanya selepas pelancaran Perkampungan Budaya Selangor 2025 di-sempurnakan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari di Dataran Kemerdekaan

Shah Alam semalam.

Borhan berkata, kerajaan negeri berhasrat memperluas karnival itu ke daerah lain bagi terus memperkasakan seni warisan di Selangor.

"Ini antara usaha bawa keunikan kita ke daerah lain dan pelancong pun boleh singgah melawat serta merasai kemeriahan semua budaya masyarakat berbilang kaum di Selangor," katanya.

Karnival berkenaan menampilkan pelbagai pengisian antaranya persembahan kebudayaan, jualan kraf tangan, bengkel serta reruai makanan tradisi di Pasar Saloma.

Penganjuran julung kali itu turut diserikan dengan pertandingan permainan tradisional seperti gasing pangkah, tali getah, dan gergasi, congkak, batu seremban dan terompah gergasi.

BERNAMA



Borhan (kanan) melawat reruai jualan di Perkampungan Kebudayaan Selangor 2025 di Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

BERITA HARIAN
Tarikh.....27 JAN 2025

Perlu strategi baharu halang penjawat awam jadi hamba hutang

Isu pinjaman melampau dalam kalangan rakyat termasuk penjawat awam boleh dianggap sebagai satu masalah semakin membimbangkan. Ia dapat dilihat menerusi tindakan bersepadu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi Ops Sky baru-baru ini bagi membanteras rasuah atau salah guna kuasa dalam sektor tertentu.

Operasi dilakukan SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) mendedahkan wujud kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan dengan pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

Menerusi operasi itu, SPRM membekukan 70 akaun syarikat dan individu membabitkan nilai lebih RM16.2 juta, mengesan hampir RM700 juta pinjaman bank diluluskan kepada peminjam yang kemudian terjerat dengan sindiket menawarkan bantuan kewangan.

Lebih 4,000 penjawat awam didapati terpedaya dengan sindiket pinjaman didalangi pegawai bank, menyebabkan peminjam terperangkap dan terjerat sebagai hamba hutang seumur hidup kerana tidak mampu melunasi pinjaman yang dikenakan faedah sehingga 35 peratus.

Banyak individu dan penjawat awam menjadi mangsa sindiket ini yang dikatakan masuk ke kementerian dan jabatan awam di seluruh negara dengan berselindung di sebalik agensi kewangan membantu menguruskan kewangan.

Pinjaman melampau ditanggung penjawat awam ini memberi kesan buruk bukan sahaja kepada individu, tetapi juga terhadap produktiviti organisasi dan integriti mereka yang melaksanakan tugas. Oleh itu, penting bagi kerajaan merangka strategi berkesan bagi menangani perhambaan bentuk baharu ini khasnya dalam kalangan penjawat awam.

Mungkin sudah sampai masa penjawat awam diberi garis panduan jelas dan ketat mengenai jenis pinjaman boleh diambil, dengan penekanan kepada pinjaman tidak membebankan kewangan mereka. Tindakan tegas perlu diambil ke atas institusi kewangan memberi pinjaman terlalu tinggi atau tidak wajar kepada penjawat awam.

Bagi memastikan penjawat awam tidak terjerumus sindiket pinjaman melampau, kerajaan boleh mewujudkan had pinjaman berdasarkan nisbah gaji kepada hutang. Contohnya, penjawat awam hanya boleh mengambil pinjaman yang jumlahnya tidak melebihi 30 hingga 40 peratus daripada gaji bulanan mereka.

Jika perlu, ketua jabatan wajar diberi kuasa khas untuk menapis kelayakan 'anak buah' mereka membuat pinjaman berdasarkan gaji bulanan dan kos tanggungan tetap setiap bulan. Langkah ini mungkin menuntut pindaan akta atau peraturan dalam kalangan penjawat awam.

Mungkin strategi ini kelihatan zalim atau menyekat kebebasan individu membuat pinjaman namun, jika tidak dibendung sudah tentu akan melahirkan lebih ramai hamba hutang pada masa akan datang, sehingga menjejaskan kesejahteraan hidup penjawat awam.

Kerajaan boleh mewajibkan penjawat awam melaporkan status kewangan mereka secara berkala merangkumi sebarang pinjaman diambil dan kemudian dikaji untuk memastikan pinjaman diambil tidak melebihi had munasabah.

Pelbagai strategi dan pelan mungkin boleh diwujudkan bagi menangani masalah ini namun ia tidak mungkin berjaya jika penjawat awam sendiri sanggup 'menyerah tengku' kepada sindiket ini. Matlamat utama adalah untuk memastikan penjawat awam boleh menjalani kehidupan sejahtera tanpa bergantung kepada pinjaman berlebihan yang boleh mengganggu prestasi mereka.

BERITA HARIAN

Tarikh.....27 JAN. 2025...

Pegawai awam perlu sumbang tenaga, idea jayakan usaha Malaysia terajui ASEAN 2025

Putrajaya: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz mahu setiap pegawai awam menyumbang tenaga dan buah fikiran bernas dalam memastikan kepemimpinan Malaysia menerajui ASEAN 2025 tidak disia-siakan bagi memastikan negara meraih manfaat pelaburan serta perdagangan.

Beliau berkata, Malaysia menggalas tanggungjawab penting selaku Pengerusi ASEAN dan ia membabitkan imej dan nama baik negara, selain keupayaan menerajui perancangan untuk memacu pembangunan, pertumbuhan serantau secara kolektif dalam mewujudkan ASEAN yang aman, stabil dan makmur.

"Sebagai pegawai awam, kita berperanan untuk memastikan Malaysia meninggalkan legasi yang positif dan bermakna untuk tahun akan datang, baik di rantau Asia Tenggara mahupun di peringkat global," katanya dalam sesi temubual, baru-baru ini.

Wan Ahmad Dahlan berkata, pegawai awam yang terbabit perlu memastikan setiap program, projek dan inisiatif yang dilaksanakan benar-benar memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat serta membuahkan hasil dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk ASEAN.

Beliau berkata, Malaysia akan dilihat sebagai negara yang tidak mampu memimpin ASEAN sekiranya pegawai awam tidak bersedia dan memberi prestasi lebih rendah berbanding Pengerusi ASEAN sebelum ini.

"Menjadi tekad perkhidmatan awam untuk bergerak sebagai satu pasukan membantu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Pengerusi ASEAN 2025. Ia memberi manfaat untuk menonjolkan negara dari segi kebolehan, kepemimpinan sekaligus membawa imej baik negara ke peringkat antarabangsa," katanya.

Wan Ahmad Dahlan berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dipertanggungjawabkan sebagai titik fokus bagi *ASEAN Cooperation on Civil Service Matters (ACCSM)* yang menjadi platform perkongsian maklumat, inovasi dan amalan terbaik dalam penguurusan perkhidmatan awam dalam kalangan negara anggota.

Beliau berkata, ia juga menggalakkan kerjasama berkesan dan saling membantu dalam meningkatkan pembangunan modal in-

san yang secara tidak langsung akan dapat mengurangkan jurang pembangunan dalam kalangan negara anggota.

Program dan inisiatif dilaksanakan ACCSM berpandukan pelan kerja yang dirangka setiap lima tahun, antaranya bidang keutamaan, termasuk reformasi dan pemodenan sektor awam.

"Lanjutan itu, JPA akan menganjurkan *ASEAN Conference on Future-Ready Public Service* pada 7 hingga 8 Oktober depan. Tujuan utama program ini sebagai platform perkongsian pengetahuan, idea dan pengalaman dalam kalangan negara anggota ASEAN dalam membentuk perkhidmatan awam yang bersedia untuk masa hadapan," katanya.

Wan Ahmad Dahlan berkata, penganjuran persidangan itu

akan disusuli pemeteraian *ASEAN Declaration on Future-Ready Public Service* yang antara lain akan menggariskan komitmen ketua-ketua perkhidmatan awam negara anggota ASEAN dalam membentuk perkhidmatan awam yang bersedia untuk masa hadapan

dengan memanfaatkan digitalisasi serta teknologi termaju seperti kecerdasan buatan.

Mengenai saranan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar agar penilaian awal kemahiran Bahasa Inggeris terhadap pegawai yang terbabit, Wan Ahmad Dahlan berkata, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) akan memulakan penilaian dari segi kompetensi pegawai awam dalam waktu terdekat agar latihan khusus dapat diberikan mengikut kesesuaian.

"Sebenarnya ramai pegawai awam boleh berbahasa Inggeris, itu bukan isu utama. Tapi untuk Kepengerusi ASEAN ini kita perlu mantapkan lagi kebolehan mereka dan INTAN akan hasilkan kursus intensif bagi memastikan mereka boleh berinteraksi dengan pegawai dari negara lain dengan lebih baik," katanya.

Wan Ahmad Dahlan berkata, INTAN sebagai institut latihan awam (ILA) terbesar di dalam negara kini menggalas tanggungjawab berat untuk menerajui Razak School of Government setanding Lee Kuan Yew School of Public Policy di Singapura.

BERNAMA



Wan Ahmad Dahlan

BERITA HARIAN
Tarikh.....2.7.JAN.2025.....



Profesor Madya
Fakulti Syariah &
Undang-Undang,
Universiti Sains
Islam Malaysia

KPI perlu ambil kira keupayaan pekerja

Oleh Dr Muzaffar Syah Mallow
bhrencana@bh.com.my

Pada tahun lalu, kerajaan mengumumkan penggunaan Sistem Penilaian Prestasi Demerit (DEEP) untuk menilai prestasi penjawat awam.

Dalam sistem ini, pekerja diberi mata 100 peratus dan akan dikenakan demerit sekiranya gagal mencapai objektif ditetapkan.

Walaupun masih terlalu awal untuk menilai keberkesanan sistem DEEP, ia tetap bergantung pada sasaran kerja ditetapkan sebelumnya.

Petunjuk Utama Prestasi (KPI) adalah kaedah pengukuran prestasi digunakan untuk menilai tahap kemajuan pekerjaan dan perkhidmatan di tempat kerja.

Ia kini menjadi amalan penting dalam banyak organisasi, sama ada sektor awam mahupun swasta. KPI membantu organisasi merancang aktiviti dan program ingin dilaksanakan dalam tempoh tertentu.

Secara amnya, KPI memberikan penjelasan hala tuju sesebuah organisasi, memberi tumpuan kepada bidang utama dan menilai tahap prestasi disasarkan. Menerusi KPI, penambahbaikan dalam organisasi dapat dilakukan.

Namun, KPI harus dirangka dengan bijak dan profesional mengikut realiti serta keperluan sesebuah organisasi. Setiap organisasi mempunyai

objektif berbeza.

Jika KPI dirangka tidak sesuai dengan keadaan atau suasana organisasi terbabit, ia boleh menyebabkan tekanan terhadap pekerja.

Maka, organisasi perlu mengambil kira faktor tertentu seperti jumlah pekerja, pakar yang ada dan dana kewangan sebelum merangka KPI.

Faktor ini sangat penting untuk memastikan KPI ditetapkan dapat dicapai dengan adil dan praktikal. Oleh itu, KPI dirangka sesebuah organisasi tidak boleh diambil bulat-bulat daripada organisasi lain kerana wujud perbezaan dalam konteks dan keperluan.

KPI ikut kategori umur pekerja

Selain itu, penting untuk KPI disesuaikan mengikut usia pekerja. Pekerja muda dan pekerja lebih berusia memiliki keupayaan fizikal berbeza, maka KPI yang sama tidak sesuai untuk diterapkan golongan berbeza.

Pekerja muda mungkin lebih mampu melaksanakan tugas memerlukan tenaga fizikal, sementara pekerja lebih berusia mungkin berhadapan masalah kesihatan atau penurunan tenaga.

Oleh itu, KPI berlainan perlu dirangka mengikut kumpulan usia pekerja seperti mengikut kategori usia 18-39 tahun, 40-59 tahun dan 60 tahun ke atas.

Sekiranya KPI ditetapkan tidak realistik atau tidak sesuai dengan kemampuan pekerja, ia boleh menyebabkan tekanan. Tekanan berlebihan akan memberi kesan negatif kepada kesihatan pekerja,

seperti hipertensi, kemurungan, masalah jantung, bahkan kematian.

Selain itu, stres berpanjangan boleh memberi kesan buruk kepada kehidupan peribadi pekerja serta menjejaskan produktiviti mereka. Hal ini memberi impak kepada produktiviti dan reputasi organisasi.

Bagi mewujudkan tempat kerja harmoni dan kurang stres, kerjasama antara majikan dan pekerja adalah sangat penting. Suasana kerja bebas tekanan bukan sahaja menjamin kesihatan dan keselamatan pekerja tetapi meningkatkan produktiviti serta kualiti kerja.

Jika pekerja sihat dan sejahtera, mereka dapat fokus pada tugas dengan lebih baik. Oleh itu, majikan perlu memastikan KPI dirangka adalah sesuai dengan keupayaan pekerja dan keadaan organisasi, serta mengambil kira undang-undang buruh di Malaysia.

Apa yang penting, KPI realistik dan sesuai dengan keadaan pekerja serta organisasi amat penting untuk mengelakkan tekanan boleh memberi kesan buruk kepada pekerja dan organisasi.

Budaya toleransi, kerjasama dan saling faham memahami antara majikan serta pekerja adalah kunci mewujudkan tempat kerja harmoni, bebas stres dan produktif.

Jelas sekali, KPI realistik dan sesuai menjadi penentu sesuatu organisasi dapat mencapai objektif mereka dengan berkesan di samping meningkatkan kesejahteraan pekerja.

Kartel tukar milik tanah mungkin tak hanya berlaku di PDT Klang

Kerajaan Selangor pertingkat prosedur pengurusan elak masalah terus berlaku

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Batu Caves: Kegiatan kartel pindah milik tanah secara tidak sah di Selangor yang dibongkar pihak berkuasa sebelum ini kemungkinan besar tidak hanya berlaku di Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata bagaimanapun kerajaan negeri menyerahkan sepenuhnya aspek siasatan kes kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan bukti kukuh.

"Setakat ini yang kita kenal pasti satu. Tapi yang lain-lain saya tidak pasti sebab ia bukan kerja yang mudah.

"Seorang mengambil tindakan. Dia ada dua atau tiga (yang lain) komplot dengan jabatan lain. Jadi, itu yang berlaku.

"Namun, itu hanya dapatan awal. Saya tidak mahu hukum. Biar ia melalui proses undang-undang," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Kebun Komuniti dan Penyerahan

7 kakitangan PDT Klang ditahan bantu kes pindah milik tanah

Keratan akhbar BH, 22 Januari lalu.

Rumah Hijau Projek Teknologi Microfarm di Taman Batu Caves, di sini, semalam.

Sebelum ini, BH melaporkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) membongkar kegiatan memindahkan milik tanah secara tidak sah membabitkan 'orang dalam' di sebuah PDT di Selangor.

Susulan itu, Bukit Aman menahan 17 individu termasuk tujuh kakitangan PDT Klang sejak September lalu kerana disyaki terbabit kartel berkenaan membabitkan tanah seluas 9.4 hektar bernilai RM7.1 juta.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata Selangor akan mempertingkatkan prosedur dalam sistem pengurusan tanah bagi mengelak kes kartel tanah terus berlaku di negeri itu.

Elak manipulasi

Beliau berkata, ia perlu supaya ruang itu dapat ditutup dan tidak dimanipulasi mana-mana pihak tidak bertanggungjawab.

"Untuk kes kartel tanah baru-baru ini, kita akan ambil tindakan disiplin terhadap mereka sekiranya benar-benar terbukti bersalah dan sebagainya.



Amirudin menerima cenderahati daripada Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani pada Majlis Perasmian Kebun Komuniti dan Rumah Hijau Projek Teknologi Microfarm di Taman Batu Caves, semalam. (Foto BERNAMA)

"Sebelum ini kita ada mengenal pasti siapa yang melakukan aktiviti itu. Itu akan dikenakan tindakan di bawah tata kerja ataupun di dalam jawatankuasa disiplin," katanya.

Amirudin ketika ditanya tidak menolak kemungkinan isu kartel tanah berkenaan berlaku ketika peralihan daripada sistem manual kepada sistem digital.

"Kemungkinan modus operandi kes kartel tanah berkenaan adalah mengenal pasti tanah kosong yang sudah lama tidak diusahakan dan mereka tidak berseorangan.

"Mereka ada pegawai yang me-

ngenal pasti senarai tanah di lapangan yang tahu tanah itu tidak diusahakan.

"Mereka berkemungkinan ada unit teknologi maklumat yang mampu mengubah data. Semua ini bergerak menjadi satu pergerakan dan itu dapat dikesan. Mereka tidak boleh menyelesaikan seorang sahaja kerana ia agak rumitkan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komerisial (JSJK), Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, berkata agensi kerajaan, termasuk PDT Klang perlu mengendalikan audit serta siasatan

dalam untuk menentukan jika ada pejabat sama di daerah lain turut terbabit dalam kegiatan kartel pindah milik tanah secara tidak sah.

Katanya, jika ada bukti atau maklumat mengaitkan PDT lain dengan kes jenayah itu, polis bersedia menyiasat.

Sebelum ini, BH melaporkan, bertindak atas laporan polis oleh seorang penolong pegawai daerah awal November, Polis Diraja Malaysia (PDRM) membongkar kegiatan memindahkan milik tanah secara tidak sah membabitkan 'orang dalam' di sebuah PDT di Selangor.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 27 JAN 2025

DEEP jadi peringatan tunai tanggungjawab

CUEPACS sokong pelaksanaan selaras tingkat keberkesanan pengurusan awam

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tindakan disiplin terhadap ketua jabatan dan pemimpin perkhidmatan awam yang gagal Sistem Penilaian Prestasi Demerit (DEEP) boleh menjadi peringatan supaya lebih bertanggungjawab.

Presiden CUEPACS, Datuk Dr Adnan Mat, berkata walaupun menyokong tindakan tegas itu, proses terbabit perlu disertai dengan langkah peningkatan keupayaan, termasuk sokongan teknikal bagi memastikan semua pihak memahami fungsi dan tanggungjawab dalam sistem ini.

"Tindakan disiplin terhadap

ketua setiausaha (KSU) dan ketua jabatan yang gagal adalah wajar kerana mereka memegang peranan penting dalam memastikan kejayaan sistem DEEP.

"Langkah ini selaras dengan usaha memastikan integriti dan keberkesanan pengurusan dalam perkhidmatan awam.

"CUEPACS yakin tindakan tegas ini bukan sahaja akan memperkasakan sistem DEEP, tetapi juga meningkatkan kualiti kepimpinan dalam perkhidmatan awam," katanya kepada BH, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KP-PA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, bahawa ketua jabatan dan pemimpin perkhidmatan awam, termasuk KSU kementerian boleh berdepan implikasi kenaikan gaji tahunan disekat, tiada kenaikan pangkat atau dipindahkan ke jabatan lain jika gagal dalam sistem DEEP mulai tahun ini.

Sistem DEEP diperkenalkan sebagai alat untuk memantau dan menilai prestasi penjawat awam secara objektif, telus dan

berkesan. Oleh itu, pelaksanaannya yang tegas amat penting dalam memastikan perkhidmatan awam dapat mencapai tahap kecemerlangan diharapkan.

Tingkat fungsi lebih proaktif

Pada masa sama, Adnan berkata, pemimpin tertinggi di setiap jabatan perlu memainkan fungsi lebih proaktif dalam memastikan pelaksanaan sistem DEEP berjalan lancar.

Beliau berkata, sikap sambil lewa mencerminkan kelemahan kepemimpinan yang boleh menjejaskan imej perkhidmatan awam secara keseluruhan.

"Pelaksanaan DEEP yang berkesan adalah satu langkah penting ke arah transformasi perkhidmatan awam yang lebih cekap dan berintegriti. Oleh itu, kerjasama erat antara kepimpinan jabatan dan penjawat awam perlu diperkukuhkan untuk memastikan matlamat tercapai.

"Kami menyokong penuh usaha KPPA dalam memastikan sistem ini berjaya dilaksanakan demi kepentingan rakyat dan negara," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh.....27 JAN 2025...

Perunding kewangan dikenakan caj 35 peratus jumlah pinjaman

Peminjam turut dikenakan bayaran sehingga 40 peratus jika mahu selesaikan hutang lapuk

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Syarikat perunding kewangan yang menguruskan pinjaman bank ribuan individu, termasuk penjawat awam dipercayai mengenakan bayaran sekurang-kurangnya 35 peratus daripada jumlah pinjaman yang diluluskan.

BH difahamkan, siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) mendapati, sebahagian mangsa tidak memperoleh semua pinjaman, sebaliknya perlu membayar peratusan tertentu kepada syarikat mendalangi sindiket yang ditumpaskan dua minggu lalu.

Selain kononnya mengenakan yuran perkhidmatan 35 peratus, sindiket turut menuntut caj sehingga 40 peratus sekiranya peminjam ingin menyelesaikan pinjaman sedia ada, hutang la-

puk atau pinjaman bertindih atau *multiple loan*.

Mangsa yang terdesak untuk membayar hutang terdahulu biasanya akan terjebak dengan taktik sindiket tanpa memikirkan kerugian dialami untuk masa panjang.

Kenakan yuran tinggi

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan sindiket berkenaan mengenakan yuran yang tinggi kepada mangsa.

Beliau berkata, hasil siasatan SPRM mendapati, sindiket berkenaan sudah mendapatkan pinjaman daripada pelbagai bank dan institusi kewangan mencecah RM700 juta yang kononnya untuk membantu mangsa, termasuk penjawat awam.

"Mereka menguruskan pinjaman *multiple loan* daripada pelbagai institusi kewangan secara serentak dan bersekolong dengan pegawai bank yang akan memanipulasikan sistem yang ada.

"Peminjam pula akan dibebani hutang terlalu besar dan biarpun sindiket ini sudah dilumpuhkan, mereka (mangsa) akan kekal berhutang dengan bank dan perlu membayar hutang," katanya di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Azam berkata, siasatan Ops Sky yang digerakkan SPRM akan berterusan kerana ia membabitkan ramai

'Mangsa sindiket tak mampu bayar, pinjaman terlalu tinggi'

Keratan akhbar BH, semalam.

mangsa dan dokumen.

"SPRM juga akan memanggil ramai saksi untuk bekerjasama dalam siasatan kes ini," katanya.

Kelmarin, BH melaporkan hampir keseluruhan daripada ribuan mangsa termasuk penjawat

awam terjebak dengan sindiket perunding kewangan yang tumpas dalam Ops Sky, baru baru ini berkemungkinan tinggi tidak mampu membayar semula hutang pinjaman yang dilakukan mereka.

Siasatan SPRM mendapati, mangsa kini terbeban dengan hutang yang terlalu tinggi sehingga melebihi daripada keupayaan pembayaran hutang.

Difahamkan, ada mangsa yang mempunyai hutang pinjaman yang mencecah sehingga tiga kali ganda daripada keupayaan kewangan mereka sendiri, sekali gus hutang itu dikatakan tidak akan

selesai dalam masa terdekat.

Sejak dua minggu lalu, SPRM menumpaskan kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan dengan pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

Ia hasil penahanan 12 individu dalam serbuan oleh Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) di 24 lokasi, meliputi rumah kediaman dan pejabat di sekitar Lembah Klang Isnin lalu.

Siasatan mendapati hampir RM700 juta pinjaman bank sudah diluluskan kepada peminjam yang bermula sejak era pandemik COVID-19.

Susulan itu, SPRM sudah membekukan 98 akaun syarikat dan individu bernilai lebih RM22 juta yang dipercayai ada kaitan dengan pengubahan wang haram didalangi syarikat perunding kewangan.

Agensi antirasuah itu juga dijangkakan memanggil antara 15 hingga 20 pegawai bank untuk membantu siasatan dan dalam proses melakukan *money trail* terhadap akaun bank yang disiasat di bawah kesalahan rasuah dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA).



Tingkat daya saing penjawat awam



MD. FAUZI
AHMAD

KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, baru-baru ini mencadangkan agar petugas kaunter perkhidmatan pelanggan dalam sektor awam yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun diberikan peluang untuk bertukar peranan melalui proses pusingan Kerja. Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan untuk memberikan pengalaman kerja baharu kepada penjawat awam, malah membantu meningkatkan motivasi dan daya saing perkhidmatan awam secara keseluruhan. Jumlah penjawat awam di Malaysia pada 2024 adalah sekitar 1.6 juta orang. Ini termasuk pekerja di pelbagai sektor kerajaan seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan, dan perkhidmatan awam lain.

Pusingan kerja merupakan satu pendekatan yang relevan dalam usaha meningkatkan daya saing dan kemahiran pelbagai penjawat awam. Pusingan ini melibatkan pertukaran peranan atau jawatan dalam tempoh tertentu bagi memastikan penjawat awam dapat meningkatkan kemahiran mereka dan memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti. Dengan landskap perkhidmatan awam yang menghadapi pelbagai cabaran baharu negara, pusingan kerja boleh menjadi mekanisme penting untuk meningkatkan keberkesanan sektor awam dalam memenuhi keperluan masyarakat dan negara yang semakin kompleks.

Salah satu kelebihan utama pusingan kerja ialah kebolehannya mengurangkan keletihan kerja atau *burnout* yang sering dialami oleh penjawat awam yang bertugas di satu jawatan untuk tempoh yang terlalu lama. *Burnout* bukan sahaja menjejaskan motivasi individu tetapi juga produktiviti keseluruhan organisasi.

Dengan memperkenalkan pusingan kerja, penjawat awam diberi peluang untuk meningkatkan semula prestasi mereka melalui peranan baharu yang berbeza.

Sebagai contoh, seorang pegawai yang telah lama



PUSINGAN kerja merupakan satu pendekatan yang relevan dalam usaha meningkatkan daya saing dan kemahiran pelbagai penjawat awam.

bertugas di kaunter perkhidmatan pelanggan boleh dipindahkan ke bahagian pengurusan sumber manusia untuk mendapatkan pengalaman baharu. Pendekatan ini bukan sahaja merangsang semangat kerja tetapi juga membantu mereka menimba pengalaman yang lebih luas dalam organisasi.

Selain itu, pusingan kerja juga dapat meningkatkan kompetensi penjawat awam dengan memberi mereka pendedahan kepada pelbagai aspek pengurusan dan operasi. Pengalaman dalam pelbagai jabatan atau fungsi membolehkan penjawat awam menguasai kemahiran baharu yang boleh diaplikasikan dalam pelbagai situasi. Pengetahuan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan individu tetapi juga memberi nilai tambah kepada organisasi secara keseluruhan. Kompetensi pelbagai dimensi ini amat penting dalam era digital di mana ia menjadi asas kepada keberkesanan perkhidmatan awam.

Dari perspektif organisasi, pusingan kerja berpotensi memperkuat budaya kerja yang inklusif dan kolaboratif. Penjawat awam yang bertukar peranan akan berinteraksi dengan pelbagai rakan sekerja daripada jabatan yang berbeza, yang seterusnya dapat memupuk hubungan kerja yang lebih erat. Hubungan ini bukan sahaja menyumbang kepada penyelesaian masalah yang lebih kreatif tetapi juga mempercepatkan proses pelaksanaan dasar dan inisiatif kerajaan. Contohnya, seorang pegawai dari bahagian kewangan yang dipindahkan ke bahagian perancangan strategik mungkin dapat memberikan pandangan kewangan yang

lebih mendalam dalam merangka dasar baharu.

Keupayaan *multiskill* yang dibangunkan melalui pusingan kerja memberikan kelebihan yang signifikan kepada penjawat awam dan organisasi. Penjawat awam yang memiliki pelbagai kemahiran lebih fleksibel dalam menghadapi cabaran kerja.

Mereka dapat menyesuaikan diri dengan mudah apabila berlaku perubahan dalam dasar atau prosedur operasi.

Selain itu, kebolehan *multiskill* ini juga meningkatkan nilai pasaran mereka, menjadikan mereka lebih berdaya saing bukan sahaja dalam sektor awam tetapi juga di sektor swasta sekiranya mereka memutuskan untuk beralih kerjaya.

Walaupun pusingan kerja menawarkan banyak kelebihan, pelaksanaannya tidak terlepas daripada cabaran. Antara cabaran utama ialah keperluan untuk menyediakan latihan semula kepada penjawat awam yang dipindahkan ke peranan baharu. Penjawat awam yang telah lama bertugas di satu jawatan mungkin menghadapi cabaran dalam menyesuaikan diri dengan perubahan. Isu seperti kos perpindahan, elaun tambahan, dan pengurusan penempatan semula kakitangan juga perlu diberi perhatian.

Untuk memastikan keberkesanan pusingan kerja, komunikasi yang jelas antara pihak pengurusan dan penjawat awam adalah kritikal. Penjawat awam perlu memahami rasional di sebalik pelaksanaan pusingan kerja serta manfaat yang bakal diperolehi oleh mereka dan organisasi. Sesi taklimat, bengkel, dan dialog terbuka boleh diadakan untuk

memberikan penjelasan yang terperinci serta menjawab sebarang persoalan atau kebimbangan yang mungkin timbul. Dengan pendekatan ini, penerimaan terhadap inisiatif pusingan kerja dapat ditingkatkan, sekaligus menyumbang kepada kejayaan pelaksanaannya.

Kerajaan juga perlu mengenal pasti kumpulan sasaran yang sesuai untuk pusingan kerja berdasarkan kriteria tertentu seperti prestasi, potensi, dan keperluan organisasi. Langkah ini memastikan individu yang dipilih benar-benar dapat menyumbang kepada peranan baharu mereka. Sebagai tambahan, program latihan yang komprehensif perlu dirangka untuk membekalkan penjawat awam dengan kemahiran yang diperlukan. Latihan ini boleh merangkumi aspek teknikal, kepimpinan, dan kemahiran interpersonal bagi memastikan mereka mampu menyesuaikan diri dengan cabaran baharu.

Sistem sokongan yang kukuh juga perlu diwujudkan bagi membantu penjawat awam melalui proses peralihan. Ini termasuklah penyediaan mentor atau pegawai pembimbing yang berpengalaman, perkhidmatan kaunseling, dan panduan kerja yang jelas. Dengan sokongan ini, penjawat awam akan berasa lebih yakin dan mampu menyesuaikan diri dengan lebih cepat dalam peranan baharu mereka.

Pemantauan dan penilaian secara berkala juga penting untuk memastikan pusingan kerja mencapai matlamatnya. Penilaian ini boleh dilakukan melalui maklum balas kakitangan, analisis prestasi, dan kajian keberkesanan. Data yang

diperolehi daripada proses ini boleh digunakan untuk menambah baik pelaksanaan pusingan kerja pada masa akan datang. Contohnya, jika terdapat keluhan mengenai kekurangan latihan, kerajaan boleh memperkembangkan program latihan untuk memastikan keperluan penjawat awam dipenuhi.

Pusingan kerja merupakan langkah yang wajar dan strategik untuk meningkatkan daya saing serta membangunkan kemahiran *multiskill* penjawat awam. Walaupun terdapat cabaran dalam pelaksanaannya, cabaran ini boleh diatasi dengan perancangan yang teliti, latihan yang mencukupi, dan komunikasi yang berkesan.

Dengan memastikan sokongan dan pemantauan yang berterusan, pusingan kerja boleh menjadi pemangkin kepada transformasi sektor awam yang lebih dinamik, cekap, dan responsif terhadap keperluan rakyat.

Langkah ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada penjawat awam dari segi pembangunan profesional tetapi juga menyumbang kepada peningkatan mutu perkhidmatan awam secara keseluruhan. Dalam era globalisasi dan persaingan yang semakin mencabar, keberkesanan sektor awam perlu terus ditingkatkan untuk kekal relevan, dan pusingan kerja adalah salah satu cara untuk mencapai matlamat tersebut.

PROFESOR Madya Dr. Md. Fauzi Ahmad ialah Pensyarah dan Penyelidik Kanan Pengurusan Teknologi Pengeluaran, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.



**COLLINS CHONG
YEW KEAT**

LAWATAN kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke empat negara serta misi memperdalam hasil rangkaian pulangan ekonomi di Eropah merupakan inisiatif kritikal dan strategik dalam memperkasa kapasiti *friendshoring* secara ekonomi dan diplomatik dalam memperluas rangkaian kebergantungan ekonomi dan pasaran negara, selari dengan usaha untuk mempertingkatkan pilihan yang dapat memberikan jaminan baharu.

Ini menjadi perangsang kepada dua faktor utama iaitu mempertahankan fundamental struktur ekonomi asas negara yang berlandaskan kepada sektor pembuatan, elektronik dan sumber asli yang memerlukan pasaran yang lestari dan konsisten, dan juga keduanya, mencari sumber pelaburan dan jaminan sokongan teknologi dan kepakaran dalam usaha transisi ekonomi negara ke arah ekonomi digital dan berteknologi tinggi yang berpaksikan kepada sektor kritikal termasuk kecerdasan buatan, semikonduktor, tenaga baharu, *big data* dan sumber mineral kritikal seperti nadi bumi, di sebelah pentas geopolitik yang kian getir, tidak menentu dan mencabar.

Hasil lawatan setiapnya memberikan pulangan tersendiri, dari segi jaminan kerjasama baharu dari segi peralihan tenaga baharu dan tenaga hijau serta kerjasama tenaga konvensional minyak dan gas, sehinggalah kepada usaha bersama dalam menangani perubahan iklim dan juga kemelut konflik di Timur Tengah dan mengekalkan kestabilan global.

Usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hab antarabangsa dalam sektor kritikal ini termasuk ekonomi digital dan juga dalam hasrat sebagai Lembah Silikon di Timur memerlukan kebijaksanaan dalam navigasi persaingan kuasa luar dan juga kepentingan dalam menjamin kemasukan wang, kepakaran dan pekerja berkemahiran tinggi untuk memastikan keupayaan dalaman untuk meraih suntikan luar ini untuk membangunkan industri tempatan dan juga kapasiti modal insan tempatan yang akan memberikan impak positif berangkai kepada

Malaysia perlu jadi negara berpengaruh di pentas dunia



LAWATAN ke luar negara adalah untuk memastikan bahawa Malaysia mendapat perhatian yang seharusnya oleh kuasa ekonomi besar dunia, termasuk gabungan dan organisasi kerjasama ekonomi.

pembangunan negara, selari dengan objektif untuk mempertingkatkan mobiliti sosial, kualiti kehidupan dan pendapatan total bagi pasaran tempatan.

Lawatan ini untuk memastikan bahawa Malaysia mendapat perhatian yang seharusnya oleh kuasa ekonomi besar dunia, termasuk gabungan dan organisasi kerjasama ekonomi yang membolehkan susunan dan gabungan modal kewangan, perancangan polisi pelaburan dan usaha sinergi yang lebih tersusun dan holistik, dalam merencanakan jumlah dan sasaran polisi pelaburan dan skop kerjasama ekonomi yang akan mendatangkan manfaat kepada negara.

Usaha transformasi ekonomi negara memerlukan suntikan modal dan kepakaran luar, dan juga kebergantungan kuasa dan pasaran luar juga mesti dipertingkatkan untuk memastikan kapasiti masa depan perdagangan negara kekal terjamin. Sebagai negara maritim dan perdagangan, sandaran sepenuhnya diletakkan kepada kestabilan dan keterbukaan pasaran dan kuasa ekonomi luar dalam menerima eksport utama negara terutamanya komoditi dan sumber asli untuk memastikan kesinambungan industri tempatan dan pulangan kepada pekerja dan rakyat tempatan.

Dua faktor utama iaitu keinginan dan keyakinan pelabur luar daripada

industri dan sektor swasta dan juga keyakinan dan jaringan diplomatik dan kebergantungan ekonomi yang kukuh dengan kuasa ekonomi utama dunia, menjadi nadi utama dalam memastikan sinergi keseluruhan jentera peningkatan pulangan ekonomi dan sektor lestari untuk negara.

Dengan adanya suntikan luaran dari segi modal dan kepakaran, dinamik dalaman juga akan dirancarkan dengan impak berangkai terhadap pembangunan modal insan berkemahiran tinggi dan pemerkasaan infrastruktur serta pengurangan jumlah pengangguran dan peningkatan pekerjaan berkualiti tinggi dan berpendapatan tinggi.

PRAGMATIK DAN STRATEGIK

Untuk memastikan pulangan holistik, adalah perlu untuk memperkukuh pertalian erat konvensional, dan juga membuka peluang dan haluan baharu untuk memikat pemimpin industri gergasi dunia dan juga memperdalam hubungan dengan pelaku negara dan kuasa ekonomi baharu akan datang.

Dalam era persaingan geopolitik dan pelaburan sengit ekonomi dan pelaburan terutamanya melibatkan sektor kritikal yang menjadi landasan utama bagi pelaku negara untuk melonjak kepentingan nasional, usaha

friendshoring dalam sektor ekonomi dan pertahanan ini menjadi watak utama untuk mendapatkan keyakinan dan kepercayaan dengan industri dan jaringan utama dunia dengan menggunakan kelebihan dan tarikan unik negara yang menyediakan faktor pulangan termasuk geografi, infrastruktur dan jaringan pengangkutan lengkap, kelebihan demografi dan pangkalan modal insan, dasar dan insentif kerajaan yang menyokong pelaburan dan perniagaan yang menjadi faktor pelengkap, usaha tegar lonjakan ekonomi baharu termasuk fokus terhadap sektor teknologi tinggi dan ekonomi digital, ekonomi biru dan ekonomi tenaga baharu, serta kelebihan dalam menggunakan platform ASEAN dan Kepengerusian ASEAN untuk menjadikan Malaysia sebagai hab utama rantau ini sebagai tarikan utama pelaburan berteknologi tinggi.

Kapasiti termasuk Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan juga komposisi bersama tarikan pasaran ASEAN yang luas serta jalinan kerjasama dalam ASEAN menjadi modal untuk digunakan Malaysia dalam memastikan Malaysia muncul sebagai *middle power* yang berpengaruh dan boleh memainkan peranan lebih penting di pentas ekonomi, diplomasi dan geopolitik dunia dan bukan sahaja terbatas kepada platform ASEAN semata-mata.

Dalam usaha ini, perluasan pengaruh melalui jalinan dan jaringan dengan pelaku negara strategik dan organisasi serantau dan antarabangsa yang relevan menjadi rencana utama untuk memastikan tahap keberadaan dan kerelevanan Malaysia dalam percaturan geopolitik dan kuasa global kekal dinamik dan berdaya tahan.

PEMERKASAAN SANDARAN MASA DEPAN

Bagi meletakkan Malaysia dalam platform tertinggi global serta untuk memastikan negara kekal terjamin dari segi pemeliharaan kestabilan dan keselamatan, tidak mudah untuk merangka pelan tindakan atau sasaran yang boleh berjaya sepenuhnya atau bebas risiko. Kesemuanya memerlukan kebijaksanaan dan legasi pengalaman lepas dan juga keupayaan dan kapasiti pimpinan tertinggi dalam mengemudi haluan baharu dan menelusuri cabaran era baharu yang berlandaskan kepada mantra 'Tiada kawan atau musuh yang kekal dalam hubungan antarabangsa, hanya kepentingan yang kekal'.

MEMBINA KEBOLEHPERCAYAAN DAN KEYAKINAN

Pertalian erat antara pemimpin juga menjadi faktor sandaran kritikal dalam memastikan segala kekususan, isu-isu dalaman yang timbul serta potensi konflik dapat dikesan awal dan diberikan perhatian yang lebih mendalam, dalam usaha pemimpin untuk mengawal dan mengelakkan cabaran dan isu tersebut daripada melarat dan mengancam pertalian dua negara. Peranan ini hanya boleh digalas dan dimainkan oleh pemimpin tertinggi dan disinilah pentingnya hubungan erat secara peribadi oleh Anwar dengan rakan seperjawatannya. Tahap kebolehpercayaan dan kapasiti sandaran berdasarkan ini menjadi faktor penting dalam percaturan polisi pelaku lain terhadap Malaysia.

COLLINS Chong Yew Keat ialah Penganalisis Strategi, Keselamatan dan Hubungan Antarabangsa di Universiti Malaysia.

PETALING JAYA: Kadar Dasar Semalam (OPR) dijangka kekal pada 3.0 peratus tahun ini bagi menyokong permintaan domestik, menurut Maybank Investment Bank (Maybank IB).

Bank pelaburan berkata, pihaknya meramalkan sedikit pelonggaran dalam pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun ini iaitu jangkakan pada pertumbuhan 4.9 peratus pada 2025, anggaran awal 2024 pada 5.1 peratus di tengah cabaran luar dari dasar Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump dan sokongan domestik daripada perbelanjaan pengguna yang lebih kukuh serta kitaran pelaburan yang berterusan.

"Kami mengekalkan pandangan bahawa OPR akan kekal pada 3.0 peratus tahun ini bagi menyokong pertumbuhan domestik, di tengah cabaran luar yang disebabkan oleh ketidakpastian mengenai langkah-langkah dasar Trump dan risiko kenaikan dan walaupun boleh dikawal serta inflasi domestik," katanya dalam nota penyelidikan.

Maybank IB berkata, walaupun pihaknya menjangkakan kadar inflasi yang lebih tinggi tahun ini (unjuran 2025 3.0 peratus, 2024: +1.8 peratus) ini terutama disebabkan oleh faktor 'cost-push', mencerminkan pembaharuan struktur dan fiskal yang amat diperlukan serta penyesuaian yang sudah lama tertangguh seperti kos buruh yang lebih tinggi daripada kenaikan gaji minimum dan levi pelbagai peringkat bagi pekerja asing serta sumbangan mandatori Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Selain itu, faktor lain termasuk rasionalisasi subsidi petrol RON95 yang didasarkan, peningkatan cukai kerajaan tempatan dan semakin kadar asas elektrik Tenaga Nasional Bhd. (TNB) yang berpotensi pada Julai 2025," katanya.

Mengenai inflasi, selepas kadar inflasi +1.8 peratus pada



PENGKALAN OPR pada 3.0 peratus akan menyokong permintaan domestik.

OPR DIJANGKA KEKAL 3.0 SEPANJANG 2025

2024, Bank Negara Malaysia (BNM) menjangkakan inflasi yang 'boleh dikawal' pada 2025 dengan keadaan kos global yang semakin reda serta harga komoditi global yang dijangka menurun dan ketiadaan tekanan permintaan yang berlebihan.

"Pandangan BNM adalah bahawa faktor-faktor ini akan membantu mengekang impak daripada pembaharuan dasar domestik yang baru diumumkan, terutamanya yang berkaitan dengan pasaran buruh dan dasar fiskal.

"Untuk makluman, unjuran kadar inflasi rasmi untuk 2025 adalah dalam julat yang luas

antara +2.0 peratus dan +3.5 peratus," katanya.

Turut berpandangan yang sama, CIMB Treasury and Market Research menjangkakan OPR akan kekal pada 3.00 peratus sepanjang tahun ini.

"Memandangkan prospek pertumbuhan yang terus positif dan inflasi yang kekal dalam julat sasaran rasmi antara 2.0 hingga 3.5 peratus pada 2025.

"Ini berbeza dengan Thailand dan Indonesia, di mana kebimbangan terhadap permintaan domestik mendorong pengurangan kadar dasar yang mengejutkan, dengan prospek kelonggaran dasar monetari lebih lanjut di masa depan," katanya.

Selain itu, secara domestik, pertumbuhan ekonomi Malaysia yang diunjur sebanyak 5.1 peratus pada unjuran 2024 dianggap berada dalam jangkakan sasaran rasmi, 4.8 hingga 5.3 peratus.

"Momentum ini dijangka akan berterusan pada 2025, didorong oleh pemangkin-pemangkin yang menyokong perbelanjaan pengguna, pelaburan, dan eksport pada 2024, serta langkah-langkah dasar seperti kenaikan gaji minimum dan pelarasan gaji penjawat awam.

"Penilaian terhadap risiko pertumbuhan kekal utuh, dengan risiko kenaikan (im-

pak positif daripada kitaran teknologi, aktiviti pelancongan yang lebih kukuh dan pelaksanaan projek pelaburan yang lebih pantas) terus mengatasi risiko penurunan (perlambatan pertumbuhan di negara rakan dagang utama dan pengeluaran komoditi yang lebih lemah daripada yang dijangkakan)," katanya.

Pada 22 Januari lalu, BNM mengekalkan OPR pada 3.00 peratus untuk mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) yang ke-10 di tengah momentum pertumbuhan yang berterusan, inflasi domestik yang sederhana dan ringgit yang agak stabil berbanding dolar AS.

INFLASI DIJANGKA MENINGKAT PADA 2.8 PERATUS TAHUN INI

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

zakkina.tarmizi@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Penganalisis menjangkakan inflasi akan meningkat sebanyak 2.8 peratus pada 2025, disokong oleh peningkatan cukai dan gaji, kesan asas serta ketidaktentuan berterusan dalam harga komoditi global dan pasaran pertukaran mata wang.

MIDF Research berkata, ia didorong terutamanya oleh perubahan dalam dasar kerajaan seperti usaha rasionalisasi subsidi pada pertengahan tahun ini.

Begitujuga, Hong Leong Investment Bank meramalkan inflasi akan meningkat kepada 2.7 peratus pada 2025, dengan tekanan kenaikan daripada langkah-langkah domestik seperti pemo-tongan subsidi bahan api, per-luasan skop cukai jualan dan per-khidmatan serta kenaikan gaji.

"Inflasi telah menurun ke-pada 1.7 peratus pada Disember 2024, lebih rendah daripada yang dijangkakan, dengan ke-naikan lebih perlahan dalam kos penjagaan peribadi, perlindungan sosial dan barangan serta



TRAJEKTORI inflasi 2025 akan dipengaruhi oleh penyesuaian dasar domestik dan faktor-faktor luaran.

perkhidmatan lain.

"Indeks harga pengguna (CPI) untuk Disember menunjukkan pengembangan yang lebih perlahan berbanding 1.9 peratus pada November, tetapi masih lebih tinggi berbanding kenaikan 1.5 peratus pada Disember 2023," katanya dalam nota penye-

lidikan.

BIMB Securities Research percaya bahawa aliran penur-unan inflasi semasa akan bersifat sementara, dengan kenaikan perlahan dijangka pada pertengahan 2025.

Firma penyelidikan itu berkata peralihan ini dijangka akan

mendorong kadar inflasi tahun ke-pada 2.7 peratus, meningkat daripada 1.8 peratus pada 2024, dengan penyumbang utama termasuk kesan limpahan daripada peningkatan cukai dan gaji, kesan asas dan ketidaktentuan dalam pasaran komoditi global serta forex.

"Trajektori inflasi 2025 akan dipengaruhi oleh penyesuaian dasar domestik dan faktor-faktor luaran.

"Pendorong domestik yang ketara termasuk penetapan semula subsidi RON95 pada pertengahan tahun, kenaikan gaji minimum pada Februari, semakin cukai jualan dan peluasan skop cukai perkhidmatan pada Mei, yang dijangka akan meningkatkan kos operasi dan harga pengguna," katanya.

Firma penyelidikan itu menambah bahawa risiko luaran, seperti turun naik dalam pasaran komoditi global, ketidaktentuan mata wang dan kemungkinan perubahan dasar Amerika Syarikat (AS), boleh memburukkan tekanan inflasi.

"Selain itu, ketidaktentuan global semakin ketara. Kebimbangan perang perdagangan yang bangkit semula, berikutan kenyataan terkini Presiden AS, Donald Trump mengenai tarif berpotensi terhadap Kanada dan Mexico, bersama dengan sekatan terhadap Rusia yang menggugat pasaran minyak dan tangki, telah pun meningkatkan harga minyak," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
27 JAN 2025
Tarikh:

Pasar awam lebih 50 tahun jadi lokasi pelancongan

um
27/1

IPOH: Pasar-pasar awam di seluruh negara yang berusia lebih 50 tahun dan mempunyai keunikannya tersendiri, bakal dijadikan sebagai lokasi pelancongan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata, setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu menyenaraikan pasar-pasar tersebut yang kemudian akan dipilih untuk dinaik taraf supaya dapat menarik perhatian pelancong.

Beliau memberi contoh Pasar Awam Bukit Mertajam di Pulau Pinang, Pasar Pasir Pinji dan Pasar Besar Ipoh di Perak sebagai antara prasarana pasar awam yang mempunyai nilai sejarah.

"Setelah dinaik taraf, kita akan cadangkan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya supaya ia menjadi tempat yang harus dilawati oleh pelancong asing," katanya selepas Majlis Pecah Tanah Projek Pasar Pasir Pinji dan Lawatan Ke Pasar Canning di sini, semalam.

Kor Ming berkata, kesemua pasar terlibat akan diberikan keutamaan bagi dinaik taraf yang kelak menurutnya pasti akan memberikan impak tinggi.

"Pasar-pasar tersebut akan diberi keutamaan, kos bagi setiap



NGA Kor Ming (kiri) ketika melawat Pasar Canning di Ipoh, Perak semalam.

pasar berlainan bergantung kepada saiz tanah dan jumlah gerai.

"Tindakan ini membawa impak tinggi, bukan sahaja kepada peniaga dan penjaja kecil malah pengguna selain menjadi pusat komuniti setempat," katanya.

Tambah beliau, pasar-pasar awam terpilih berkenaan boleh dijadikan aset pelancongan ne-

gara khususnya sempena Tahun Melawat Malaysia pada tahun hadapan.

Beliau turut memaklumkan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan meluluskan sebanyak RM16 juta bagi pembinaan semula Pasar Pasir Pinji dengan reka bentuk dan kualiti kemudahan pasar yang baharu.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:27...JAN.2025...

ASEAN LEADERSHIP

'Civil servants must share ideas for country's benefit'

PUTRAJAYA: Public Service director-general Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz has called on all civil servants to contribute their energy and ideas to ensure that Malaysia's leadership in Asean 2025 yields benefits for the country, particularly in investment and trade.

He said Malaysia, as Asean chairman this year, held an important responsibility, which involved the country's image and reputation, as well as its ability to lead efforts to drive development and regional growth and create a peaceful, stable and prosperous Asean.

"As civil servants, we have a role to play in ensuring that Malaysia leaves a positive and meaningful legacy for years to come, both in Southeast Asia and globally," he said on Friday.

Wan Ahmad Dahlan said civil servants involved must ensure that every programme, project and initiative implemented contributed to improving the quality of life of Asean residents.

"It is the resolve of the public service to move as a team to assist Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim as the chairman of Asean."

Wan Ahmad Dahlan said the Public Service Department played a key role as the focal point for the Asean Cooperation on Civil Service Matters (ACCSM), a platform designed to promote the exchange of information, innovations and best practices in public service management among member countries.

He said it also encouraged effective cooperation and mutual assistance in improving human capital development.

Wan Ahmad Dahlan said programmes and initiatives implemented by ACCSM were guided by a work plan developed every five years, with key focus areas such as public sector reform and modernisation.

"As such, the department will organise the Asean Conference on Future-Ready Public Service on Oct 7 to 8 this year.

"The main purpose of this programme is to serve as a platform for sharing knowledge, ideas and experiences among Asean member countries in shaping a future-ready public service," he said.

Bername

NEW STRAITS TIMES
Tarikh:27..JAN.2025



Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari (left) visiting a community garden in Taman Batu Caves yesterday. With him is Malaysian Agricultural Research and Development Institute director-general Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani (centre). BERNAMA PIC

ILLEGAL TRANSFERS

'LAND ISSUE MAY NOT BE LIMITED TO KLANG'

Land management procedures to be tightened to prevent abuses, says menteri besar

ESSA ABU YAMIN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

ILLEGAL land transfer activities in Selangor may not be limited to Klang, says Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

"To date, we have identified one case. But for the others, I'm not sure as it's not an easy task," he said, referring to the recent exposé of illegal land transfer activities.

The case involved a cartel com-

prising a group of people, including officials from the Klang Land and District Office, and the illegal transfer of 9.4ha of land valued at RM7.1 million.

Bukit Aman's Commercial Crime Investigation Department (CCID) has detained 17 people to assist in investigations, including 10 men and seven women aged between 26 and 59.

Of those arrested, seven were attached to the district office and have since been reassigned to other departments.

Amirudin said yesterday preliminary investigations revealed that the illegal transfers required the collusion of several parties, including a legal office.

Amirudin said the state government would tighten land management procedures to prevent further abuse of loopholes in the system.

"We will take action against those involved if they are proven

guilty," he said at a launch of a community garden project in Taman Batu Caves.

He said it was likely that the cartel targeted vacant and neglected land.

"They had help from officers who identified suitable land that was not being cultivated or developed."

Amirudin said it was likely that the illegal land transfers were facilitated by those capable of altering data.

"This was a coordinated effort. They could not have worked alone because it is quite complicated."

Bukit Aman CCID director said the cartel's activities came to light after a police report was lodged over the discovery of suspicious and illegal land transfers.

The complainant also reported the loss of several documents, including land transfer forms, from the Klang Land and District Office's vault.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh:27...JAN.2025...

Cuepacs: Pair disciplinary action with capacity-building moves

KUALA LUMPUR: Stern measures taken under the Demerit Performance Evaluation System (DEEP) should be accompanied by capacity-building initiatives, says the Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (Cuepacs).

Its president, Datuk Dr Adnan Mat, said while Cuepacs supported the measures, the process must be accompanied by capacity-building initiatives, including technical support, to ensure all parties understood their roles and responsibilities in the system.

"Disciplinary action against secretaries-general and heads of departments who fail are justified as they play a crucial role in ensuring the success of the DEEP system. This step aligns with efforts to ensure integrity and effective management in the public service.

"These strict measures will not only strengthen the DEEP system, but also improve the quality of leadership in the public service," he told *Berita Harian*.

He was commenting on a statement by Public Service Department director-general Tan Sri

Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Wan Ahmad Dahlan had said, starting this year, heads of departments and public service leaders, including ministry secretaries-general, could face a freeze on annual salary increments, lack of promotions, or transfers to other departments if they fail in the system.

The system was introduced as a tool to monitor and evaluate civil servants' performance objectively, transparently and effectively.

Its strict implementation is deemed crucial to ensuring the

public service achieves the desired level of excellence.

Adnan said top leaders in every department must take a more proactive role in ensuring the smooth implementation of the DEEP system.

He added that failure to take responsibilities seriously reflected weak leadership that could tarnish the image of the public service. "We fully support the efforts of the PSD director-general in ensuring the successful implementation of this system for the benefit of the people and the nation."

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 27 JAN 2025

Suggest ideas to make Asean chairmanship a success, civil servants told

PUTRAJAYA: Public Service Director-General Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz has called on all civil servants to contribute ideas to ensure that Malaysia's Asean 2025 chairmanship yields substantial benefits for the country, particularly in investment and trade.

He said Malaysia has an important responsibility to create a peaceful, stable and prosperous Asean.

"As civil servants, we have a role to play in ensuring that Malaysia leaves a positive and meaningful legacy for years to come, both in the Southeast Asian region and globally," he said in

an interview.

Wan Ahmad Dahlan said civil servants involved must ensure that every programme, project and initiative implemented truly benefits all levels of society and contributes to improving the quality of life of Asean residents.

He added that Malaysia would be seen as incapable of leading Asean if civil servants were not prepared and demonstrated weaker performance than the previous Asean chair.

"It is the resolve of the public service to move as a team to assist Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim as the chairman of Asean 2025. This will

highlight the country's capabilities, leadership, and positive image on the international stage."

Wan Ahmad Dahlan said the Public Service Department plays a key role as the focal point for the Asean cooperation on civil service matters.

"As such, the department will organise the Asean Conference on Future-Ready Public Service on Oct 7 and 8. The main purpose of this programme is to serve as a platform for sharing knowledge, ideas, and experiences among Asean member countries in shaping a future-ready public service."

In response to Chief Secretary to the

Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar's call for an initial assessment of the English language skills of the officers involved, Wan Ahmad Dahlan said the National Institute of Public Administration would soon begin evaluating civil servants' overall competence to ensure that appropriate training could be provided.

"Actually, many civil servants are able to speak English, but that's not the main issue. For this Asean chairmanship, we need to further strengthen their abilities, and the institute will offer intensive courses to ensure they can interact better with officials from other countries." - Bernama

THE SUN

Tarikh:

27 JAN 2025